

01 JUN 1996

Mahathir-bahasa (Bergambar)

KEDUDUKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN TIDAK TERANCAM

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kedudukan Bahasa Malaysia tidak akan terancam dan akan tetap menjadi bahasa perpaduan rakyat Malaysia walaupun penguasaan bahasa asing, khususnya Bahasa Inggeris, semakin digalakkan.

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus berusaha untuk mengembangkan penggunaan Bahasa Malaysia oleh semua kaum di negara ini.

"Adalah didapati ramai penuntut bukan Melayu yang amat fasih bertutur dalam Bahasa Malaysia bahkan menulis pantun dan rencana dalam bahasa tersebut.

"Dengan tekanan supaya Bahasa Kebangsaan dikuasai dan diguna oleh semua kaum di Malaysia, adalah dipercayai kedudukannya tidak akan terancam dan ia tetap akan menjadi bahasa perpaduan rakyat Malaysia," katanya dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia kerajaan dan rakyat pada majlis mengadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena ulangtahun ke-74 Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara di sini hari ini.

Yang turut hadir Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri beliau Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Menteri-menteri Kabinet dan timbalan-timbalan mereka serta duta-duta dan para perwakilan asing.

Dr Mahathir berkata kerajaan pada masa yang sama juga sedang menggalakkan penguasaan Bahasa Inggeris terutama untuk peningkatan ilmu kerana matlamat negara untuk menggunakan sains dan teknologi yang canggih memaksa kita menguasai dengan baik bahasa itu.

"Ini adalah kerana ilmu sains dan teknologi yang baru sedang berkembang secara mendadak dan kita terlalu kekurangan ahli-ahli sains dan dengan itu tidak sempat untuk mengalih bahasa semua ilmu untuk dipelajari oleh penuntut kita," kata beliau.

Beliau khuatir jika rakyat tidak bersungguh-sungguh menguasai Bahasa Inggeris, pembangunan bangsa (Malaysia) akan tergendala.

Katanya beberapa bangsa Timur yang lebih maju daripada Malaysia juga terpaksa mensyaratkan kakitangan syarikat-syarikat gergasi mereka, terutama yang terlibat dengan teknologi maklumat dan "Multimedia" mempelajari Bahasa Inggeris.

"Penguasaan Bahasa Inggeris oleh mereka tidak mengurangkan identiti bangsa atau bahasa mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sebenarnya kemajuan penggunaan Bahasa Malaysia bergantung kepada kemajuan penuturnya terutama yang menggunakannya sebagai bahasa ibunda sambil menambah kata, jika mereka mundur maka merosotlah prestasi bahasa itu.

Beliau berkata berdasarkan hakikat ini usaha memajukan orang Melayu amatlah penting dan jika untuk memajukan bangsa maka bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris perlu dikuasai, maka penguasaan bahasa ini akan diperluaskan di kalangan rakyat.

"Usaha ini hendaklah dijadikan sebagai sebahagian daripada perjuangan mendaulatkan Bahasa Kebangsaan," kata beliau sambil menambah kata "slogan kita sekarang ialah Maju Bangsa, Majulah Bahasa".

Perdana Menteri bersyukur negara berada dalam keadaan aman dan tenteram dengan rakyat berbilang kaum hidup berharmoni tanpa menghadapi sebarang

pertelingkahan yang boleh menjejaskan perpaduan dan kestabilan negara.

"Persefahaman dan sikap toleransi antara kaum yang ditunjuk semasa pilihanraya 1995 masih kekal," katanya.

Dr Mahathir berkata jika dahulu syarikat-syarikat milik masing-masing kaum dianggotai oleh kaum itu sahaja, sekarang syarikat-syarikat ini tidak lagi terasing kerana pemilikan kaum tertentu.

Banyak syarikat dimiliki bersama oleh semua kaum dan dianggotai oleh pengarah dan pekerja yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum. Penyertaan mereka adalah secara benar dan tidak lagi berbentuk Ali-Baba, katanya.

Mengenai kedudukan Bumiputera, Dr Mahathir berkata kemampuan mereka sudah meningkat baik dari segi profesional mahupun dari segi kewangan.

Kata beliau, hari ini terdapat syarikat-syarikat yang dahulu dimiliki oleh bukan Bumiputera sekarang sudah dibeli dan diurus oleh Bumiputera.

"Penyertaan mereka adalah secara benar dan tidak lagi berbentuk Ali-Baba," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana terdapat juga ramai Bumiputera yang telah menjual kepentingan mereka dalam syarikat-syarikat kepada bukan Bumiputera.

Penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi juga meningkat dengan pesat hasil daripada panduan dan kemudahan kewangan yang disediakan kerajaan dan kini ramai juga mampu melabur dan bergerak di negara-negara asing termasuk di Eropah, Amerika Syarikat dan Amerika Selatan.

"Aliran ini diperhatikan akan berterusan dan usaha untuk menghapuskan identifikasi kaum dengan jenis pekerjaan, Insya-Allah, akan berjaya," kata beliau.

Mengenai keadaan ekonomi negara, Dr Mahathir berkata kerajaan percaya pertumbuhan ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh akan terus melebihi tujuh peratus setahun.

Beliau berkata rancangan lima tahun itu akan menumpu kepada perindustriaan berteknologi dan bermodal tinggi yang akan menggalakkan syarikat-syarikat tempatan mengeluarkan barangan dengan jenama Malaysia untuk dieksport ke pasaran dunia. -- BERNAMA

ES AHH